

Inisiatif tangani kos sara hidup

BH - 21/12/2022 m/s. 3

Bantuan beri manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan beberapa bantuan bagi meminimumkan impak kenaikan kos sara hidup yang perlu ditanggung rakyat.

Perdana Menteri mengumumkan demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 di Dewan Rakyat.

Katanya, bagi mengatasi isu generasi tercicir ekoran pandemik COVID-19, kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Awal Persekolahan bernilai RM150 kepada semua murid, tanpa mengambil kira had pendapatan ibu bapa, pada bulan depan.

Katanya, adalah penting untuk mempersiapkan murid dengan kelengkapan sekolah yang sewajarnya, selain keperluan perbelanjaan bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan pembelian buku teks.

“Golongan belia juga memerlukan kelangsungan peluang pekerjaan bagi meraih rezeki. Dengan didorong pelaksanaan prog-

ram mengiktiraf gaji antara RM1,500 ringgit hingga RM2,100, kerajaan akan menyediakan tawaran 50,000 peluang kerjaya secara kontrak termasuk 35,000 oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melalui program MySTEP untuk tahun depan.

“Selari pengumuman awal saya selaku Perdana Menteri, isu kos sara hidup adalah keutamaan. Maka, adalah penting RUU ini diluluskan bagi membolehkan penyaluran Bantuan Kebajikan Masyarakat kepada isi rumah miskin, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU),” katanya.

Perdana Menteri antara lain turut mengumumkan bantuan tunai rakyat yang dilaksanakan sebelum ini, akan diteruskan dengan bayaran Bantuan Tunai Rakyat Fasa 1 akan disalurkan lebih awal iaitu pada bulan depan.

Katanya, bayaran Fasa 1 akan memanfaatkan hampir 9 juta penerima dengan peruntukan RM2 bilion, membabitkan kadar RM300 bagi setiap isi rumah dan RM100 untuk penerima bujang.

“Kerajaan akan terus memastikan kebajikan pekebun kecil getah sewaktu musim tengkujuh. Setakat ini, kerajaan telahpun menyalurkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) bagi November dan Disember ini dengan bantuan keseluruhan RM600 kepada hampir 320,000 pekebun kecil getah.

“Sukacita sebagai tambahan, kerajaan bercadang menyalur-



Rakyat mendapat manfaat daripada bantuan yang diberikan kerajaan untuk meminimumkan kos sara hidup. (Foto hiasan)

kan bantuan tambahan sebanyak RM200 kepada pekebun kecil getah, Januari ini.

“Kerajaan Perpaduan amat berterima kasih atas kesungguhan tidak berbelah bahagi anggota awam dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat,” katanya.

Kenaikan gaji tahunan

Justeru, katanya, kerajaan bersetuju memberikan Kenaikan Gaji Tahunan

Tambahan Khas 2023 bernilai RM100 kepada semua penjawat awam Gred 11 hingga 56.

Beliau berkata, kerajaan juga bersetuju memberikan Bantuan Khas Kewangan kepada 1.3 juta penjawat awam gred 56 ke bawah bernilai RM700 manakala RM350 bagi sejuta pesara.

“Ketika ini, RM400 juta sudah disalurkan kepada Agensi Pengu-

rusan Bencana Negara (NADMA) sebagai kesiapsiagaan awal di kawasan banjir. Pelbagai agensi kerajaan sudah berada di lapangan bagi mengerakkan jentera untuk membantu rakyat.

“Kerajaan memberi jaminan akan menyediakan sumber kewangan tambahan jika perlu bagi memastikan kelancaran pengu- rusan banjir,” katanya.

Mengenai tatakelola projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bernilai RM15 bilion, Anwar berkata, sebanyak 28 daripada 39 projek, membabitkan dana bernilai hampir RM14 bilion yang dipohon Kementerian Alam Sekitar dan Air sebelum ini, diluluskan secara rundingan terus.

Perdana Menteri berkata, tumpuan kerajaan bagi beberapa bulan mendatang memfokuskan isu pengagihan subsidi bersasar.

Selain itu, katanya, dalam usa-

ha memperkukuh tadbir urus kerajaan, urusan perolehan bagi projek dianugerahkan perlu dilaksanakan secara tender dan tiada lagi tawaran rundingan terus dibuat sewenang-wenangnya.

“Bersangkut isu RM600 bilion bagi nilai pakej rangsangan ekonomi, angka terbabit bukan daripada saya. Sebaliknya, ia sering disebut Yang Berhormat Pagoh (Tan Sri Muhyiddin Yassin) semasa berkempen pada PRU15 (Pilihan Raya Umum Ke-15),” katanya.

Beliau juga membayangkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2022 berkemungkinan melepasi kadar ditetapkan dalam unjuran awal.

Katanya, KDNK berkemungkinan direkodkan antara 6.5 hingga 7 peratus, melebihi unjuran awal susulan sentimen ekonomi yang kekal positif menjelang hujung tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, prestasi ekonomi 2023 memberangsangkan ekoran pembukaan semula ekonomi.

Pemulihan ekonomi ketika ini, katanya, turut menurunkan kadar pengangguran kepada 3.6 peratus pada Oktober lalu.

“Pun begitu, ia masih belum pulih seperti kadar guna tenaga penuh sebelum krisis COVID-19, iaitu 3.3 peratus dan kebimbangan kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur bawah 25 tahun yang masih tinggi iaitu mencecah 10 peratus,” katanya.